

# Kemelut di sebalik isu Sekolah Wawasan

BH 12 NOV 2000

**S**EBAGAI permulaan, boleh saudara terangkan apa fungsi pertubuhan ini?

Bagi setiap sekolah rendah dan menengah Cina mereka mempunyai lembaga pengarah dan pengelola masing-masing yang ditubuhkan mengikut Akta Pendidikan Kebangsaan. Tetapi lembaga pengarah ini hanya di sekolah Cina saja, tidak ada di sekolah Tamil atau Melayu. Jadi, Dong Zong ialah persatuan badan kebangsaan dan bukannya pertubuhan bukan kerajaan (NGO). Jiao Zong pula ialah persatuan guru-guru, juga ditubuhkan di setiap sekolah, tapi ia didaftarkan mengikut NGO. Kedua-dua persatuan inilah yang bertanggungjawab sebagai badan yang mengurus dan mentadbir sekolah Cina, mengutip derma, membiayai segala kemudahan dan berbincang dengan kerajaan dalam isu membabitkan pendidikan Cina. Kedua-duanya bekerjasama dan itulah dinamakan Dong Jiao Zong.

Jadi, dalam apa-apa isu pendidikan kami 'in one voice' (satu suara). Persatuan ini amat berpengaruh dan 'very powerful' kerana kami mewakili 1,284 SRJKC dan seluruh guru sekolah Cina di Malaysia. Sejarah kami sudah lama iaitu sebelum merdeka lagi. Jiao Zong ditubuhkan pada 1951 dan Dong Zong, dua tahun kemudian pada 1954.



**NAMA** Dong Jiao Zong atau gabungan Persekutuan Persatuan-Persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina dan Persekutuan Guru-Guru Sekolah Cina, tiba-tiba menjadi sebutan apabila berkeras menolak pelaksanaan Sekolah Wawasan. Ditubuhkan sejak 1950-an, Dong Jiao Zong sudah lama dianggap 'jaguh' dalam memperjuangkan hak dan kepentingan pendidikan Cina di Malaysia. Hari ini badan ini bertanggungjawab menyalurkan RM1 bilion setahun untuk membiayai 1,284 Sekolah Rendah Jenis

Kebangsaan Cina (SRJKC) dan, 60 sekolah menengah persendirian Cina, di seluruh negara. Apa motif penolakan Sekolah Wawasan yang bermatlamat menyemai perpaduan di antara kaum ini?

Wartawan *Berita Minggu*, ZAINUDIN ISA menemu bual Ketua Pegawai Eksekutif merangkap Setiausaha Agung Dong Jiao Zong, Bock Tai Hee, di pejabatnya di Kajang, kelmarin bagi menghurai kemelut di sebalik isu Sekolah Wawasan.

layu, Cina atau Tamil

**Jadi, isu atau persoalannya sekarang ialah kedudukan bahasa Cina. Apakah melalui konsep Sekolah Wawasan, bahasa Cina akan dihapuskan terus?**

Sebenarnya, daripada konsep Sekolah Wawasan tidak menyebut menghapuskan bahasa Cina. Tapi, mengapa kerajaan beria-ia melaksanakan konsep

dibina sekolah Tamil. Ini dilaksanakan sejak dulu hingga sekarang. Ia berjalan dengan baik, tiada cacat celanya.

Persoalannya mengapa secara tiba-tiba mewujudkan tiga sekolah dalam satu kawasan? Kalau dinamakan untuk perpaduan, kami terima. Tapi apakah kita tidak boleh mencapai sasaran menyatukan kaum tanpa mencampurkan sekolah Cina dan India?

baru ini, konsep dan pelaksanaannya masih sama. Jadi, kami masih wasangka apa di sebalik agenda dengan pelaksanaannya.

Perlu diingat, kewujudan sekolah Cina dan Tamil termaktub dalam Akta Pendidikan, bermakna termaktub dalam Perlembagaan. Jadi, kalau sebarang projek untuk menghapuskan sekolah Cina atau Tamil, kami tidak setuju. Apa yang kami khuatir, ia bukan terhapus sekarang, tapi perlahan-lahan.

**Jadi dalam isu penolakan konsep Sekolah Wawasan ini, ada yang beranggapan persatuan saudara berfikiran terlalu ortodok?**

Tidak, kami berfikiran terbuka. Kami juga mahu bersama kerajaan supaya pelbagai kaum yang berbeza hidup bersatu padu. Kami menyokong segala usaha kerajaan mewujudkan perpaduan kaum di negara ini. Tetapi, tidak dengan cara mencampurkan satu sekolah dalam satu kawasan.

**Baru-baru ini Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir kecewa dengan tindakan persatuan ini. Benarkah kaum Cina di Malaysia mahukan sistem seperti pendidikan di China?**

Saya kira Perdana Menteri keliru dengan kenyataan itu atau tersilap dipetik oleh akhbar. Kalau kita sebut sekolah Cina mahu menggunakan bahasa Cina sebagai bahasa pengantar, itu sudah termaktub dalam Akta Pendidikan. Mengapa kita kata sekolah Cina mahu menggunakan bahasa pengantar, sistem pendidikan dan pembelajaran dalam bahasa Cina. Kalau Perdana Menteri berkata kami mahukan perkara itu, ia bermakna kami mahu sistem pendidikan seperti di China. Ia dua isu yang berbeza. Sistem pendidikan Cina tidak boleh dilaksanakan di Malaysia. Tetapi mengikut laporan akhbar, saya nampak jelas, itu tanggapan yang salah. Ini kerana dalam sistem pendidikan di SRJKC, semua kurikulum diberikan oleh kerajaan. Satu-satunya perbezaan ialah bahasa yang digunakan. Mengapa kita mengatakan sistem di China. Bahasa pengantar berbeza, tapi apa yang dipelajari sama, baik sekolah Me-

berkenaan. Anda sepatutnya tahu dan faham latar belakang dan sejarahnya. Pada 1986, pada masa itu Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menjadi Menteri Pendidikan, kami bersetuju dengan pelaksanaan Rancangan Integriti Murid-Murid Untuk Perpaduan. Sekolah masih sama, tidak berpindah tetapi ia lebih banyak menekankan perlunya lebih banyak aktiviti berbentuk perpaduan dilaksanakan di sekolah yang berbeza aliran. Kenapa kerajaan tidak melaksanakan projek ini pada masa itu, kami tidak tahu. Akhirnya pada 1987, kerajaan tiba-tiba memberhentikan projek ini. Kami tidak tahu kenapa.

Sebelum itu pada 1985, kerajaan bercadang melaksanakan Sekolah Integriti. Ini sama dengan konsep Sekolah Wawasan sekarang iaitu meletakkan sekolah rendah Cina dan Tamil dalam satu kawasan. Kami menolaknya kerana konsepnya mencampurkan ketiga-tiga sekolah dalam satu kawasan. Tapi, kami setuju dengan objektifnya, iaitu mewujudkan perpaduan di kalangan murid sekolah.

**Maknanya konsep Sekolah Integriti dulu sama dengan Sekolah Wawasan?**

Ya. Ia sama, cuma namanya saja berlainan sekarang. Konsep dan matlamatnya sama. Berbeza ialah cara ia dilaksanakan. Kami kata jika matlamat menyatukan murid, mengapa meletakkan ketiga-tiga sekolah dalam satu kawasan. Konsep, fungsi dan pentadbiran sekolah Cina jelas dalam Akta Pendidikan. Kalau sesuatu kawasan itu ramai murid Cina, satu sekolah Cina akan dibina di kawasan terbabit. Kalau ramai murid Melayu, sekolah Melayu akan dibina di situ. Begitu juga di estet,

**Tapi kerajaan memberi jaminan Sekolah Wawasan tidak menghilangkan identiti sekolah Cina, India dan Melayu?**

Pada 1995, kerajaan mencadangkan konsep Sekolah Wawasan. Ketika itu, saya tegaskan satu kenyataan yang sensitif kepada masyarakat Cina. Semalam (Khamis), Biro Pendidikan Umno dalam satu kenyataan mengenai isu ini mengambil kenyataan saya ketika itu. Saya tegaskan ketika itu dalam usaha mencapai matlamat perpaduan negara, pendidikan memainkan peranan yang amat penting. Dasar Pelajaran Kebangsaan yang berteraskan Penyata Razak 1953, menyatakan melalui Fasal 4.2, sasaran utamanya ialah mewujudkan satu jenis sekolah seragam, iaitu sekolah Melayu. Jadi, kami tidak menerimanya ketika itu. Jadi, apabila sekali lagi projek Sekolah Wawasan ini ditimbulkan ia sambutan kepada Penyata Razak. Jadi kami tolak kerana akhirnya, mungkin 10 tahun, 20 tahun atau 100 tahun, sekolah Cina dan Tamil akan terhapus.

**Apakah ada agenda tersembunyi di sebalik konsep Sekolah Wawasan untuk menghapuskan sekolah Cina dan India?**

Ya. Tapi, ia (agenda) tidak dinyatakan dengan begitu jelas dalam konsep Sekolah Wawasan.

**Tapi mengapa apabila menyedarinya persatuan tidak bersuara?**

Kami bersuara. Julai lalu, kerajaan mahu meneruskan konsep Sekolah Wawasan. Kami menerima dokumen yang sama dan matlamat akhirnya masih tidak jelas. Jadi, kami bantah. Pada Ogos, kerajaan menarik semula cadangan itu. Tapi, muncul semula baru-

**Jika sekolah ini tetap dilaksanakan, apa yang berlaku?**

Apa yang berlaku Lembaga Pengarah Sekolah Cina akan berubah. Ini kerana hanya sekolah Cina yang mempunyai lembaga pengarah. Jadi, dengan adanya tiga sekolah dalam Sekolah Wawasan, satu jawatankuasa yang diketuai ketiga-tiga guru besar sekolah dan setiap tiga guru setiap sekolah. Sembilan jawatankuasa inilah yang bertanggungjawab mengurus dan mentadbir sekolah. Jadi, apakah fungsi Lembaga Pengarah Cina. Mungkin ia terus wujud, tetapi tidak boleh berbuat apa-apa, tiada kuasa. Ini gagal diperjelaskan oleh kerajaan.

Satu lagi masalah ialah ketika ini sekolah Cina menghadapi kekurangan 4,000 guru. Kerajaan tidak melatih guru Cina dengan mencukupi. Tetapi, sekolah Melayu mempunyai lebih 20,000 guru lepasan maktab setiap tahun sehingga sukar ditempatkan di sekolah. Mengapa ini berlaku? Jika Sekolah Wawasan dilaksanakan, guru Melayu yang berlebihan itu pastinya diserapkan di sekolah Cina. Jadi, secara perlahan-lahan, ia akan mengubah sistem sekolah Cina. Ini yang kami bimbang.

**Bermakna persatuan ini bimbang murid Cina akan dimelayukan?**

Ya, tentunya kami takut. Sudah ada contoh di Kota Tinggi, Johor. Pada 1985, sekolah itu dikenali 'Independent School' (sekolah persendirian), tapi inilah sebenarnya model Sekolah Wawasan, iaitu tiga sekolah dalam satu kawasan. Sekolah Cina itu sekarang, mata pelajaran muzik, pendidikan jasmani dan lukisannya diajar dalam bahasa

Melayu. Ia sudah bertukar dan ini yang kami takutkan. Bukannya kami takut tanpa bersebab, tapi ia terbukti proses menukar sekolah Cina kepada Melayu ini sememangnya berlaku. Kami berpendapat yang harus diinteraksikan ialah murid, bukannya sekolah.

**Jadi isu sekolah wawasan itu ibarat 'bom jangka' kepada masyarakat Cina meluahkan tidak puas hati mereka terhadap Dasar Pendidikan Kebangsaan?**

Ya. Kalau kita tidak melihat sejarah lampau, kita akan kata tiada ada apa-apa dengan pelaksanaan Sekolah Wawasan. Memanglah, objektifnya nyata bagus untuk menyemai perpaduan bermula daripada murid sekolah rendah lagi. Tapi, kalau kita teliti sejarah pendidikan Cina, ada satu *'ultimate objective'* (matlamat terakhir), iaitu menghapus sekolah Cina. Ia terkandung sama ada dalam Penyata Razak pada 1956, atau Laporan Aziz pada 1960, Laporan Mahathir 1975 dan Dasar Pendidikan Baru 1996.

**Isu ini sudah beberapa kali dibincang, tapi persatuan saudara masih berkeras. Kalau persatuan tetap menolak dan kerajaan mahu meneruskannya, apa tindakan selepas ini?**

Kami seperti pertubuhan bukan kerajaan lain, kami cuma mampu menyuarakan pendapat, perasaan dan alasan kami. Kami harap kerajaan yang dipilih rakyat bersedia mendengar suara rakyat. Kalau kerajaan tidak mendengar cakap kami, kami tidak mampu berbuat apa-apa. Satu-satunya cara untuk menunjukkan kuasa kami ialah melalui pilihan raya.

**Boleh saya katakan ini satu amaran kepada kerajaan?**

Bukan amaran atau ugutan. Saya hanya menyuarakan perasaan saya dan persatuan kami. Dalam demokrasi rakyat mempunyai hak menyuarakan masalah. Jadi kami sudah menyuarakan apa yang patut dan melalui cara yang betul. Semua dokumen sudah kami beri kepada Menteri Pendidikan dan nampanya selepas kami menolaknya, mereka juga menutup pintu rundingan dengan kami. Jika kementerian mahu berbincang, kami masih bersikap terbuka. Tapi kerajaan atau kementerian tidak boleh meletakkan sebarang prasyarat untuk duduk di meja perundingan.

**Akhirnya, apa harapan persatuan ini?**

Apa lagi yang harus kami lakukan. Kami sudah berusaha memberikan pandangan melalui saluran yang betul. Untuk tindakan terakhir ialah menggunakan kuasa undi kita dalam pilihan raya. Kerajaan harus faham, dalam pilihan raya umum lalu, majoriti orang Cina menyokong kerajaan Barisan Nasional (BN). Apabila konsep Sekolah Wawasan ini timbul, komuniti Cina sangat marah. Ia menghiris perasaan kami. Jadi, jika ada orang menyatakan pembangkang di sebelah kami, saya ingin tegaskan ia adalah salah. Saya ingin sebutkan majoriti pemimpin dan ahli kami menyertai MCA. Ahli MCA menyokong kami, bukannya menyokong pemimpin mereka, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik. Anda boleh petik kenyataan saya ini. Ini perkara yang betul. Mengapa orang Cina menyokong kerajaan ketika pilihan raya? Kami mahu keamanan, stabiliti dan mudah cari makan di Malaysia.

**BOCK, 56, bekas guru di Sekolah Tinggi Chung Hua, Kuala Lumpur pada 1969 hingga 1976. Selama 21 tahun menyertai Dong Jiao Zong, beliau pernah terbabit dalam isu penolakan konsep Sekolah Integrasi pada 1985 ketika menjadi setiausaha agung persekutuan itu. Beliau berkelulusan Universiti Nanyang di Singapura dalam bidang kimia pada 1968.**